

| | | | |
|------------|---------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Siapa kata Melayu lemah ekonomi | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 04 Aug 2014 | Color | Full Color |
| Section | Bisnes | Circulation | 40,000 |
| Page No | 38 | Readership | 120,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 700 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,647 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 31,941 |



Siapa kata Melayu lemah ekonomi?

Seminggu sebelum Aidilfitri saya menyertai perbincangan Kumpulan Kerja Teknikal anjuran Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kumpulan ini ditugaskan mendapatkan input merangka agenda ekonomi Melayu/Bumiputera untuk Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11). Saya mewakili Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), iaitu NGO kerabat Majlis Perundingan Melayu (MPM).

Kumpulan MPM diketuai Setiausaha Agongnya, Datuk Dr Hasan Mad, Datuk Dr Mohd Ghazali Mohd Nor dan Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob, selain beberapa wakil organisasi kerabat MPM. Pada awal mesyuarat MPM tegaskan agenda ekonomi Melayu RMK11 wajib mengandungi "game-changer", iaitu dimensi pembaharuan bermakna kepada masa depan ekonomi Melayu.

Kedudukan ekonomi Melayu mesti dimantapkan supaya tidak lagi dipersoalkan keupayaannya menambah nilai menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, ia wajib dilestarikan berkekalan membela dan melindungi kepentingan Melayu generasi demi generasi.

Penswastaan melemahkan

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancar pada 1970 berjaya membina asas kekuatan ekonomi Melayu daripada kedudukan sangat lemah dan daif, iaitu sekitar tiga peratus ekuiti ekonomi negara kepada melebihi 25 peratus. Kejayaan DEB dicapai terutama menerusi kuasa ekonomi GLC sebagai agensi amanah Melayu membangunkan komuniti usahawan Bumiputera (BCIC).

Malangnya, sebelum DEB tamat, naratif politik Melayu beralih kepada membina barisan jutawan dan bilionair Melayu bertujuan mengimbangi jumlah jutawan dan bilionair Cina dan kaum lain. Untuk menjayakan naratif baru politik

ini, Dasar Penswastaan dilancarkan, menyebabkan banyak syarikat dan ekuiti milik GLC amanah diswastakan menjadi milik individu Melayu. Namun Dasar Penswastaan gagal mencapai matlamatnya menyebabkan aset bernilai tinggi milik Melayu (dilaporkan antara RM40 hingga RM70 bilion) terlepas pegangan.

Pada saya, kejayaan sebenar ekonomi Melayu tidak wajar diukur mengikut perkiraan berapa jutawan atau bilionair Melayu/Bumiputera dapat dibangunkan. Kebocoran ekuiti milik individu kesan penswastaan menuntut Melayu mempertahankan kuasa ekonomi

berteraskan GLC, membina semula kekuatan dengan menginstitusikan amanah sebagai strategi utama RMK11. GLC juga wajib bina rantaian nilai (value chain) bisnes memperkasa ekonomi Melayu menerusi strategi mantap selain membangun saf entrepreneur Melayu menerajui bisnes strategik negara.

Pepatah Melayu mengingatkan: Jika sesat di hujung jalan, segera balik ke pangkal jalan.

Justeru, Melayu wajar berbalik kepada teras kekuatan ekonomi kurniaan DEB, iaitu mengutamakan semula peranan GLC sebagai institusi amanah barisan depan. Kuasa ekonomi Melayu di tangan GLC sebenarnya bukan kecil. Nilai modal pasaran ekuiti

Melayu (termasuk milik penting GLC) di Bursa Malaysia pada akhir 2013 melebihi 43 peratus - satu bukti nyata kekuatan ekonomi Melayu.

Capai aspirasi DEB tanpa DEB

Saya berpendapat sekali pun DEB tamat, institusi warisan DEB wajar Melayu manfaatkan sepenuhnya dengan mengintegrasikannya ke dalam RMK11 dan RMK seterusnya. Institusi warisan DEB, terutama GLC barisan depan seperti

PNB, Khazanah, Johor Corporation, PKNS dan seumpamanya, bersama Tabung Haji, Felda dan lain-lain, wajar dijadikan organisasi korporat bilionair (bukan individu bilionair) berkelangsungan memperkasa masa depan ekonomi Melayu.

Kelangsungan GLC sebagai institusi amanah dapat menjamin aspirasi DEB diteruskan, sekalipun DEB tamat dan tidak lagi menjadi dasar kerajaan. Lagi pun, strategi institusi menggunakan GLC serasi sepenuhnya dengan nilai hidup Melayu sebagai Muslim, kerana Islam mengutamakan prinsip ijtimaai menentukan kepentingan jemaah mengatasi kepentingan peribadi nafsu-nafsi.

Kenapa, di sebalik aspirasi pro-jemaah dan pro-amanah, naratif politik Melayu kuat dipengaruhi dasar penswastaan individualistik nafsu-nafsi?

Jawapannya: Mungkin kerana mindset Melayu terpengaruh ideologi kapitalis liberal nafsu-nafsi diserap menerusi sistem ekonomi yang Malaysia warisi dari Britain setelah lama dijajah. Mungkin juga kerana Melayu, secara sedar atau tidak, termakan dakyah Barat bertujuan mendominasi dunia, tunduk mengikut gaya tamadun mereka. Atau lebih kerana keghairahan Melayu dan umat Islam

sendiri meniplak Barat setelah melihat kemajuan material mereka.

Apa pun, selain Barat, Melayu juga banyak meniplak gaya bisnes amalan warga Malaysia keturunan Cina. Kemajuan Ekonomi Malaysia antara lain dicapai atas kejayaan daya usaha kaum Cina membina bisnes memacu pertumbuhan ekonomi mengikut jejak selari dengan Barat, iaitu berdasarkan bisnes milik keluarga Cina di bawah teraju individu swasta.

Tiada salahnya Cina Malaysia mengikut acuan Barat setelah mendapati serasi dengan nilai hidup dan ciri budaya mereka. Tetapi Melayu bukan Cina, sama seperti Melayu bukan Inggeris atau Amerika; justeru pasti berhadapan kontradiksi nilai hidup jika meniplak gaya bisnes melampau individualistik atau materialistik. Jika berjaya sekali pun, ia tidak bermakna kerana dicapai mengikut kaedah bertentangan nilai hidup, tidak serasi dengan jiwa,

| | | | |
|------------|---------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Siapa kata Melayu lemah ekonomi | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 04 Aug 2014 | Color | Full Color |
| Section | Bisnes | Circulation | 40,000 |
| Page No | 38 | Readership | 120,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 700 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,647 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 31,941 |

tambahan pula bercorak songsang budaya dan tamadun Islam kerana jelas ciri ketidakadilan dan kezalimannya.

Kejayaan material dan ekonomi penting pada Melayu, namun tidak akan dinilai tinggi jika akhirnya iman dan akidah terjejas, juga jika umat berkonflik sesama sendiri. Sebagai umat Islam, kepentingan dan kejayaan individu penting, tetapi tidak diutamakan hingga mengatasi kepentingan besar masyarakat dan agama, khususnya dalam usaha memelihara perpaduan umat.

Waqaf Korporat game-changer

Kesimpulannya, terdapat dua pilihan strategi paling penting menjayakan agenda Melayu dalam RMK11 dan RMK selanjutnya. Pertama, membina atas kekuatan ekonomi Melayu sedia ada, iaitu berasaskan aset dan bisnes strategik serta kuasa ekonomi milik amanah GLC. Kedua, mengintegrasikan strategi institusi. RMK11 mesti berani memperkenalkan institusi game-changer menghijrahkan dan mentransformasikan sistem ekonomi supaya serasi dan selaras sepenuhnya dengan aspirasi nilai hidup Melayu sebagai Muslim menegakkan amanah lagi adil.

Semua ini pula wajib dilakukan tanpa anti persaingan menjejaskan sistem pasaran. Justeru, cabaran terbesar ialah bagaimana mengguna kaedah kapitalis efisien menjana harta kekayaan tanpa Melayu menjadi rakus dan nafsu-nafsi, juga tanpa melebarkan jurang kaya-miskin dalam masyarakat. Jawapan yang DPIM dan MPM utarakan: Perkenalkan institusi Waqaf Korporat.

RMK11 mesti berani mengintegrasikan dimensi game-changer dengan mewakafkan beberapa GLC atau syarikat PLC milik GLC menjadi institusi Waqaf Korporat. Model Waqaf Korporat boleh mencontohi Waqaf An-Nur Corporation Bhd inisiatif JCorp yang berjaya melipatgandakan nilai


aset wakafnya daripada RM250 juta pada akhir 2007 kepada RM500 juta di akhir 2013. Bayangkan jika JCorp dan GLC utama diwakafkan, berkekalan

memperkasa ekonomi Melayu!

Waqaf Korporat berdimensi game-changer atas dua kelebihan besar yang terdapat padanya. Pertama, wakaf berupaya membasmi kebocoran hak milik mengekalkan aset dan bisnes strategik dalam tangan Melayu/Muslim generasi demi generasi, terlindung daripada diswastakan atau diperibadikan oleh sesiapa. Wakaf sebagai satu institusi Islam, juga memangkinkan hak milik GLC dilindungi daripada risiko dikompromipolitikkan andainya teraju pemerintahan politik-bertukar tangan, insya-Allah kekal dilindungi di bawah kuasa Raja-Raja Melayu seperti diperuntukkan oleh Perlembagaan negara.

Kedua dan lebih penting, pewakafan GLC bermakna aset dan bisnes strategik Melayu bukan lagi milik kerajaan, tertakluk kepada tuntutan kawalan birokrasi atau terjejas sepak-terajang politik. Organisasi Waqaf Korporat juga boleh dibentuk dan distrukturkan mencontohi kaedah korporat global dengan keupayaan pengurusan profesional menggunakan standard amalan pengurusan terbaik berprestasi tinggi.

Pada akhirnya, Waqaf Korporat satu game-changer memangkinkan Melayu memanfaatkan sepenuhnya kombinasi ciri dinamis kedua-dua institusi wakaf dan institusi korporat. Menerusinya, kekebalan dan kelestarian wakaf dapat digabungkan dengan ciri dinamis organisasi korporat menjana harta kekayaan. Apabila diurus dan dipimpin barisan CEO profesional berdaya entrepreneur tinggi (seperti terdapat dalam kalangan ramai CEO GLC hari ini), Waqaf Korporat pasti berupaya melonjakkan pencapaian korporat Melayu ke tahap paling tinggi, hingga berdaya saing seumpama MNC ke peringkat global sekali pun.



| | | | |
|------------|---------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Siapa kata Melayu lemah ekonomi | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 04 Aug 2014 | Color | Full Color |
| Section | Bisnes | Circulation | 40,000 |
| Page No | 38 | Readership | 120,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 700 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,647 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 31,941 |



**Tabung Haji antara GLC yang boleh
dijadikan organisasi korporat bilionair dalam
memperkasa masa depan ekonomi Melayu.**